

Telaga Undang tidak dapat menyelesaikan masalah adat

8/3/88

SEREMBAN, Isnin — Telaga Undang tidak mampu menyelesaikan masalah adat di Luak Sungai Ujong kerana kewujudannya bercanggah dengan aturan adat Luak itu dan ia tidak dilkrtiraf oleh sebilangan besar anak-anak Waris di Darat daripada Perut Ulu dan Hilir, menurut anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang.

Menurut mereka pihak yang mentadbir Telaga Undang tidak pernah dipilih atau dilantik tetapi 'diturunkan' kepada ibu soko tertua Rumpun Bayu sahaja.

Mereka juga mendakwa Telaga Undang "sengaja" mewujudkan oleh anak-anak Waris Rumpun Bayu bagi kepentingan sendiri, terutama berhubung hak untuk menyandang pesaka Datuk Kelana Putra (Undang).

Dalam kenyataan kepada Berita Harian di sini, jurucakap anak-anak Waris Rumpun Tinggang berkata mereka mempunyai bukti nyata berdasarkan fakta sejarah yang menunjukkan kewujudan Telaga Undang adalah sebenarnya "perosak adat dan bukannya untuk menyelesaikan masalah adat."

Beliau menyebutkan beberapa fakta sejarah yang, menurutnya, boleh dijadikan contoh termasuk:

- Pesaka Undang Ketujuh, Datuk Kelana Putra Mohd Yusoff, daripada Perut Hilir sudah berpindah kepada anak Waris daripada Perut Ulu, iaitu Undang Kelapan, Datuk Kelana Putra Makmur, menerusi "cara yang amat meragukan";

- Pesaka Datuk Laksamana yang disandang oleh anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Dusun berpindah-milik kepada anak-anak Waris Rumpun Bayu menerusi cara yang sama;

- Pencen Waris Kelana yang diterima oleh ibu soko Rumpun Tinggang menerusi Sakni dan Keliah berpindah-milik kepada Rumpun Bayu melalui cara yang sama juga;

- Pemansuhan sistem tanah adat di Luak Sungai Ujong bagi memastikan anak-anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang, Dusun, dan Nyonyoi hilang kelayakan untuk menyandang pesaka Datuk Kelana Putra;

Pindah-milik

- Melucutkan kuasa Datuk Tiga Persukuhan (Pantai) dan sekaligus menjadikan mereka 'Buapak Lingkungan';

- Membenamkan kuasa Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak Sungai Ujong dalam urusan pentadbiran adat kerana segala masalah hendaklah dirujuk kepada Telaga Undang.

"Sejarah membuktikan semua perkara ini berlaku pada masa lalu khususnya sewaktu pemerintahan Undang Kelapan, Datuk Kelana Putra Makmur (1889-1945) dan ia tidak sama sekali diada-adakan bagi tujuan tertentu," kata jurucakap itu.